



PERBADANAN ASET KERETAPI
(KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA)

IKLAN JAWATAN KOSONG

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. RAC mempelawa calon-calon warganegara yang berkelayakan dalam bidang berkaitan dan boleh bekerja dengan pengawasan minimum dipelawa untuk memohon pengisian bagi jawatan tersebut di bawah:

TARAF JAWATAN		PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)		
BIL	JAWATAN	PENGKHUSUSAN BAHAGIAN/UNIT	BIL KEKOSONGAN	KADAR UPAH (SEHARI)
1	Arkitek	Bahagian Pembangunan	1	RM100.00
2	Jurutera (Awam/Mekanikal)	Bahagian Pembangunan	1	
3	Jurutera (Mekanikal)	Bahagian Pembangunan	1	
4	Pegawai Undang-Undang	Unit Undang-Undang	1	
5	Penolong Jurutera (Elektrikal)	Bahagian Pembangunan	1	RM72.00
6	Penolong Jurutera (Mekanikal)	Bahagian Pembangunan	1	
7	Penolong Jurutera (Awam)	Bahagian Pembangunan	1	
8	Penolong Pegawai Undang-Undang	Unit Undang-Undang	1	
9	Penolong Pegawai Tadbir	Bahagian Khidmat Pengurusan	2	RM72.00
		Unit Hasil	2	
		Unit Penguatkuasaan	2	
10	Pembantu Tadbir	Bahagian Khidmat Pengurusan	4	RM54.00
		Unit Penguatkuasaan	3	

SYARAT WAJIB PERMOHONAN

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

ARKITEK – 1 KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

- (i) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina / Arkitek yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (ii) Mempunyai kemahiran profesional dalam penulisan dan pertuturan serta kemahiran interpersonal;
- (iii) Berkeupayaan untuk memotivasi pasukan bagi menghasilkan laporan yang kualiti dalam tempoh masa yang ditetapkan dan berkeupayaan menguruskan program yang diarahkan;
- (iv) Mempunyai kemahiran analitikal, merancang dan menyelesaikan masalah berkaitan pengurusan projek.
- (v) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 hingga 2 tahun pengalaman berkaitan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab;

- (i) Menyelaras isu-isu projek yang berkaitan aset keretapi;
- (ii) Menguruskan perkara berkaitan projek;
- (iii) Memantau projek penswastaan, persekutuan dan projek RAC;
- (iv) Menyediakan laporan kemajuan projek; dan
- (v) Mengurusetiakan mesyuarat dalaman dengan pihak ketiga.

JURUTERA

- AWAM – 1 KEKOSONGAN
- MEKANIKAL – 1 KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

- (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam/Mekanikal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (ii) Mempunyai kemahiran profesional dalam penulisan dan pertuturan serta kemahiran interpersonal;
- (iii) Berkeupayaan untuk memotivasi pasukan bagi menghasilkan laporan yang kualiti dalam tempoh masa yang ditetapkan dan berkeupayaan menguruskan program yang diarahkan;
- (iv) Mempunyai kemahiran analitikal, merancang dan menyelesaikan masalah berkaitan pengurusan projek.
- (v) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 hingga 2 tahun pengalaman berkaitan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab;

- (i) Menyelaras isu-isu projek yang berkaitan asset keretapi;
- (ii) Menguruskan perkara berkaitan projek;
- (iii) Memantau projek penswastaan, persekutuan dan projek RAC;
- (iv) Menyediakan laporan kemajuan projek; dan
- (v) Mengurusetiakan mesyuarat dalaman dengan pihak ketiga.

PEGAWAI UNDANG-UNDANG – 1 KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

- i. Mempunyai :
 - Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination).
- ii. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 hingga 2 tahun pengalaman berkaitan.

DESKRIPSI TUGAS

- i. Bertanggungjawab menyemak dan menyediakan dokumentasi perundangan;
- ii. Bertanggungjawab memberi khidmat nasihat perundangan; dan
- iii. Bertanggungjawab menyelaras, memantau serta melaporkan tindakan undang-undang yang melibatkan tadbir urus harta tanah dan urusan berkaitan

PENOLONG JURUTERA

- AWAM – 1 KEKOSONGAN
- MEKANIKAL – 1 KEKOSONGAN
- ELEKTRIKAL – 1 KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

- i. Diploma dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal/Mekanikal/Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- ii. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 hingga 2 tahun pengalaman berkaitan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab membantu;

- i. Menyelaras isu-isu projek yang berkaitan asset keretapi;
- ii. Menguruskan perkara berkaitan projek;
- iii. Memantau projek penswastaan, persekutuan dan projek RAC;
- iv. Menyediakan laporan kemajuan projek; dan
- v. Mengurusetiakan mesyuarat dalaman dengan pihak ketiga.

PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG – 1 KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

- i. Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- ii. Diploma undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- iii. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 hingga 2 tahun pengalaman berkaitan.

DESKRIPSI TUGAS

- i. Bertanggungjawab menguruskan dan menyediakan dokumentasi perundangan;
- ii. Bertanggungjawab menguruskan dan memantau pelaksanaan tindakan undang-undang melalui prosiding mahkamah (Litigasi)

PENOLONG PEGAWAI TADBIR (BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN) – 2 KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

- i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- ii. Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- iii. Mengutamakan calon yang mempunyai pengalaman dalam
 - a) Pengurusan Pejabat;
 - b) Pengurusan Rekod; atau
 - c) Pengurusan Aset

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab :

- i. Menguruskan perkara berkaitan rekod dan fail;
- ii. Menguruskan perkara berkaitan pengurusan am pejabat;
- iii. Membantu urusan berkaitan perkhidmatan pelanggan; dan
- iv. Menguruskan aset alih

PENOLONG PEGAWAI TADBIR (UNIT HASIL) – 2 KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

- i. Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- ii. Mengutamakan calon yang memiliki sijil professional dalam
 - a) Pengurusan Hartanah;
 - b) Pentadbiran Perniagaan;
 - c) Kewangan; atau
 - d) Pemasaran;
- iii. Mempunyai sekurang-kurangnya 1 hingga 3 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan pengurusan hartanah atau pentadbiran perniagaan;

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menguruskan proses kutipan hasil dan tunggakan penyewaan/pajakan/waylif/iklan di atas tanah-tanah milik RAC

PENOLONG PEGAWAI TADBIR (UNIT PENGUATKUASAAN) – 2 KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

- i. Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- ii. Mengutamakan calon yang memiliki sijil profesional dalam
 - a) Pengurusan Hartanah; atau
 - b) Ukur Tanah

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menguruskan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas tanah-tanah RAC.

PEMBANTU TADBIR (BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN) – 4 KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab :

- i. Membantu menguruskan perkara berkaitan rekod dan fail;
- ii. Membantu dalam pengurusan am pejabat;
- iii. Membantu urusan berkaitan perkhidmatan pelanggan; dan
- iv. Membantu menguruskan aset alih

PEMBANTU TADBIR (UNIT PENGUATKUASAAN) – 3 KEKOSONGAN

SYARAT LANTIKAN

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab membantu menguruskan penyerahan notis dan pengusiran kepada setinggan di atas tanah-tanah RAC.

CARA MEMOHON

1. Pemohon yang berminat hendaklah menggunakan borang RAC/BPJ/1/2019 yang boleh didapati di laman sesawang (website) <http://www.rac.gov.my>

Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah ditulis disudut atas sebelah kiri sampul surat nama jawatan yang dimohon.

2. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada

**Pengurus Besar
Perbadanan Aset Keretapi
Bahagian Khidmat Pengurusan,
No.29G, Blok B, Jln TKS 1,
Kajang Sentral Business Park,
43000 Kajang, Selangor**

3. Tarikh tutup permohonan : 11 Oktober 2019

4. Dokumen-dokumen yang dikehendaki:

- i. Salinan Kad Pengenalan;
- ii. Salinan Surat Beranak;
- iii. Salinan Sijil Pendidikan Malaysia dan sijil berhenti sekolah;
- iv. Salinan sijil-sijil pendidikan dan sijil berkaitan; serta
- v. Sekeping gambar berukuran passport yang terbaru

(Sila pastikan dokumen-dokumen berkaitan diakui sah oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Professional atau mana pegawai-pegawai yang sama taraf diberi tauliah yang boleh mengesahkan dokumen-dokumen di atas)

5. Permohonan Yang Akan Ditolak

- i. Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan di para 4;
- ii. Tidak lengkap atau tidak terang;
- iii. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
- iv. Tidak tulis nombor kad pengenalan;
- v. Tidak ditandatangani oleh pemohon; dan
- vi. Permohonan yang lewat dari tarikh tutup permohonan.

6. Catatan Am

Hanya permohonan yang layak selepas tapisan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Calon-calon yang berjaya dipanggil temuduga akan dimaklumkan melalui emel; dan

Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.